

Ibu bekerja perlu sokongan moral

B.H m/s 10 22.1.07

Tekanan di pejabat boleh pengaruhi tanggungjawab kepada keluarga

Dr Haslinda Abdullah

DALAM era ledakan maklumat dan dunia tanpa sempadan, pelbagai pemikiran serta perilaku diterokai dengan cepat dan pantas. Sama ada apa yang ditiru membawa kebaikan atau keburukan ia adalah masalah kedua.

Apa yang pasti segala kelakuan berkenaan diambil tanpa tapisan yang sewajarnya daripada pihak yang sepatutnya menjalankan pemantauan. Bagi golongan ibu yang bekerja, tugas ini semakin sukar dilakukan memandangkan keperluan kepada teknologi maklumat ini begitu mendesak dan ia diperlukan oleh anak mereka.

Bagi masyarakat bandar, keadaan ini semakin merunsingkan apabila faktor tempat kerja, kesesakan lalu lintas, ketiadaan pembantu rumah yang boleh diharapkan dan tekanan di tempat kerja menyumbang kepada kesuntukan masa bagi ibu ini untuk bersama anak mereka.

Apabila berlaku budaya samseng di sekolah, remaja bermasalah, belia terpinggir, orang ramai menuding jari kepada ibu bapa mereka. Hakikatnya masyarakat kita banyak membudayakan pemikiran serta tingkah laku negatif dari Barat sehingga memungkinkan semua ini berlaku.

yang bekerja lebih mudah terpengaruh kepada perkara negatif.

Tekanan di tempat kerja dan juga harapan tinggi daripada keluarga yang dibebankan kepada mereka menyebabkan masalah ini semakin kronik. Apabila masalah ini dibincangkan, penulis berasakan orang yang benar-benar merasai tekanan ini ialah mereka yang berpendapatan di antara RM500-RM1,000 sebulan dan bekerja kerana keadaan yang mendesak.

Purata ibu yang berpendapatan sebegini ialah mereka yang bekerja di bahagian pembersihan, operator kilang serta kerani. Oleh itu fokus penulis ialah mereka yang berada dalam golongan ini.

Pada asasnya ada tiga sebab utama kenapa seseorang wanita itu keluar bekerja. Antara sebab berkenaan ialah membantu suami untuk meningkatkan sosioekonomi keluarga, menyara hidup anak dan keluarga (bagi ibu tunggal) dan juga ada yang bekerja untuk mencapai kepuasan hidup setelah bertungkus lumus belajar.

Bagi yang keluar bekerja akibat desakan hidup, tekanan yang dirasakan lebih menghimpit. Pandangan serta reaksi negatif yang diberikan masyarakat menambatkan lagi beban perasaan yang ditanggung mereka. Persepsi ini perlu diubah memandangkan sumbangan wanita ter-

makin meningkat serta keperluan seharian yang semakin mendesak adalah faktor utama mereka keluar bekerja. Pengalaman lampau, keperitan hidup serta kekurangan kemudahan membuatkan mereka sedar akan pentingnya ilmu untuk diberikan kepada anak.

Tetapi apa yang berlaku adalah di luar jangkaan mereka. Anak yang diberikan kemudahan serta kesenangan hidup tanpa memahami apa itu kesusahan tidak dapat menangkap matlamat sebenar ibu mereka keluar bekerja.

Mereka seterusnya mengambil kesempatan untuk melakukan sesuatu yang difikirkan dapat menggembirakan mereka tanpa memikirkan risiko daripada perbuatan itu. Pada ketika ini masyarakat sekitar yang seharusnya memainkan peranan mereka dalam membantu dan mendidik anak berkenaan hanya memandang sepi akan fungsi mereka.

Mereka tidak lagi berasa terpengaruh untuk sama-sama membantu dalam menangani gejala sosial remaja dan masyarakat sekitar. Pemikiran mereka mula serasi dengan konsep asas pasca modenisme yang mana kepentingan peribadi mengatasi segala yang lain.

Bagi ibu kelas bawahan yang terpaksa menangani masalah ini secara sendirian,

semakin membimbangkan.

Sikap wanita berkenaan juga perlu dibaiki. Rata-rata golongan ini memiliki pendidikan yang tidak seberapa. Walaupun taraf literasi wanita di Malaysia sudah meningkat ke angka 80 peratus ke atas, cara berfikir serta sikap golongan ini terhadap sesuatu isu serta perkara masih lagi pada tahap yang tidak memuaskan.

Kebanyakan daripada mereka masih lagi berasakan kehendak adalah sesuatu yang perlu dipenuhi. Dengan pemikiran begini, mereka sanggup melakukan apa saja untuk memenuhi kehendak mereka walaupun dengan berhutang.

Sebagai contoh, ada segelintir wanita ini mempunyai kelengkapan rumah yang mengagumkan. Bagaimanapun, kelengkapan itu diperoleh secara berhutang dan beliau akan terus dibelenggu hutang sehingga perkara yang lebih penting seperti pelajaran anak diabaikan.

Apabila masalah ini semakin menekan kebarangkalian untuk mereka membabitkan diri dalam perkara kurang sihat juga meningkat. Sebagai contoh, kejadian penangkapan pelayan pelanggan (GRO) yang mendakwa terbabit dengan masalah sosial kerana tidak cukup wang untuk menghantar anak yang sakit mendapatkan rawatan.

Konsep *extended family* jarang sekali diamalkan, sikap menghormati orang tua semakin terhakis malah masyarakat kita semakin menerima budaya individualistik yang dibawa Barat.

Sikap begini membuatkan sesuatu masalah yang dihadapi dipertanggungjawabkan kepada pihak tertentu saja. Perasaan mengambil berat, toleransi dan hormat menghormati tidak penting lagi.

Bagi masalah sosial yang semakin meruncing ini, persoalan pokok yang harus dikenal pasti ialah punca sebenar masalah berkenaan. Kes seperti ketagihan dadah, masalah juvana dan bohsia dikenal pasti berpunca daripada kanak-kanak yang tidak mendapat perhatian keluarga.

Bagi kes seperti ini, ibu yang bekerja adalah orang yang dianggap bertanggungjawab. Kebanyakan orang menganggap bahawa apabila seseorang ibu keluar bekerja mereka tidak lagi dapat menunaikan tanggungjawab tradisional mereka secara berkesan.

Walaupun tanggapan seperti ini semakin berkurangan, pemikiran ini masih dapat dilihat. Apatah lagi ada pihak tertentu yang melabel ibu tunggal sebagai wanita 'gatal'. Bagi orang yang berfikiran begini mereka menganggap ibu tunggal

tidak dapat mengurus negara tidak boleh dipertikaikan lagi.

Pada dasarnya pembabitan wanita dalam pembangunan negara Malaysia adalah suatu perkembangan yang amat positif. Malah baru-baru ini sumbangan berkenaan semakin mendapat pengiktirafan apabila Universiti Malaya melantik Datuk Rafiah Salim sebagai Naib Canselor dan Melaka melantik Zaleha Abd Rahman sebagai Timbalan Ketua Polis negeri.

Sumbangan wanita kepada negara cukup memberangsangkan terutama dalam bidang ekonomi, pendidikan serta perindustrian. Ini diperkukuhkan lagi dengan statistik pada 2005 yang diperolehi daripada Jabatan Statistik Negara mendapati lebih 40 peratus tenaga buruh di Malaysia terdiri daripada golongan wanita.

Namun, apa yang menyedihkan ialah pemikiran masyarakat kita terhadap golongan wanita kelas bawahan ini begitu mengecewakan. Masyarakat kita bukan hanya memandang sepi akan fungsi mereka dalam pembangunan negara, anak mereka juga tidak mendapat perhatian serta sokongan sosial yang sememangnya diperlukan oleh wanita ini.

Bagi golongan ini kos hidup yang se-

tekanan itu boleh mengganggu sistem ketahanan badan mereka dan menyebabkan kesihatan mereka terganggu. Apabila wujud keadaan seperti ini, tumpuan terhadap pekerjaan, anak, rumah tangga serta persekitaran akan turut terganggu. Masalah ini akan berlarutan dan akhirnya membentuk satu sistem kitaran hidup yang tidak produktif, beku serta lesu.

Persekitaran tempat kerja di mana kaum wanita ini mencari nafkah turut memberikan sumbangan kepada tekanan hidup yang dialami golongan ini. Sebagai operator pengeluaran di kilang elektronik misalnya, wanita ini terpaksa bekerja secara syif.

Jadual waktu kerja yang tidak menentu dan bertentangan dengan masa lapang keluarga menyebabkan masa yang diperuntukkan untuk keluarga agak bercelaru, lebih-lebih lagi bagi yang mempunyai anak kecil. Tumpuan terhadap tugas di tempat kerja dan di rumah akan sedikit sebanyak terganggu.

Bagi ibu muda yang terbabit dengan gejala sosial di tempat kerja, kesempatan hidup serta suami yang kurang memahami adalah antara penyebab yang mendorong kepada tingkah laku berkenaan. Dalam konteks Malaysia, fenomena ini

Memang tidak dapat dinafikan bahawa persekitaran yang lebih memberi fokus kepada keseronokan adalah antara faktor penyumbang kepada keadaan ini. Apapun, apabila isu ini dibincangkan, tanggungjawab masyarakat sekitar dalam memberikan sokongan moral kepada ibu bekerja ini harus diberikan perhatian serius.

Beban sosial yang ditanggung oleh golongan ini terlalu berat untuk disandang secara perseorangan. Sekiranya ia dibiarkan berterusan kesannya akan turut dirasakan oleh masyarakat sekitar.

Pada ketika ini ungkapan yang berbunyi 'jangan jaga tepi kain orang' seharusnya tidak diguna pakai, tepi kain masih boleh dijaga dan apa yang tidak boleh dijaga adalah dalam kain orang dan inilah yang kebanyakannya yang dilakukan oleh orang kita dewasa ini. Kegagalan komuniti dalam menjalin hubungan sosial yang positif akan sedikit sebanyak mengganggu gagasan kerajaan dalam pembentukan masyarakat 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang'.

Penulis adalah pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).